NO SOALAN :23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 08.08.2017**

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) alasan membatalkan perjanjian membangunkan Bandar Malaysia bersama Iskandar Waterfront Holdings Sdn. Bhd. (IWH)-CREC pada 3 Mei 2017; dan

(b) syarat-syarat bagi mendapatkan syarikat pemaju baru bagi meneruskan projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Perjanjian Jual Beli 60% ekuiti syarikat Bandar Malaysia Sdn Bhd di antara TRX City Sdn Bhd dan IWH CREC Sdn Bhd yang

dimeterai pada

31 Disember 2015 telah luput. Ini disebabkan oleh kegagalan pihak IWH CREC Sdn Bhd memenuhi syarat-syarat perjanjian (*Condition Precedent*, dengan izin) sepertimana yang diperuntukkan di bawah terma-terma perjanjian walaupun tarikh tamat tempoh perjanjian telah dilanjutkan berulang kali. Untuk makluman semua, pihak TRXC telah pun memenuhi syarat-syarat perjanjian (*Condition Precedent*, dengan izin) terlebih dahulu.

Susulan daripada peluputan perjanjian tersebut, pihak Kementerian Kewangan akan memastikan pembangunan Bandar Malaysia benar-benar memberi faedah kepada rakyat. Untuk tujuan ini, Kementerian Kewangan akan mengekalkan pemilikan 100% Bandar Malaysia.

Sejajar dengan itu, pihak Kerajaan telah mengambil alih dan menerajui proses Permohonan Cadangan (*Request for Proposal* (RFP), dengan izin) pembangunan projek Bandar Malaysia. Melalui proses RFP ini, pihak Kerajaan akan memperoleh cadangan yang lebih komprehensif yang menekankan nilai pembangunan yang terbaik untuk Bandar Malaysia. Seperti yang tertera di laman sesawang Kementerian Kewangan, proses RFP ini dibuka kepada syarikat-

syarikat tempatan dan antarabangsa yang berminat untuk terlibat sebagai pemaju induk projek tersebut. Kriteria-kriteria pembidaan RFP seperti berikut:

i. pembida perlu dari kalangan syarikat "Fortune 500";
ii. pembida adalah syarikat bersekutu yang telah menjana perolehan yang tidak kurang RM50 bilion secara kumulatif bagi tempoh tiga tahun berturut-turut dari sumber hartanah dan perniagaan berkaitan; dan
iii. berpengalaman dalam pembangunan hartanah bertaraf global.